

08 AUG 1998

TIADA MASA DEPAN DI ESTET BAGI MASYARAKAT INDIA

PETALING JAYA, 8 Ogos (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata beliau tidak melihat sebarang peluang bagi masyarakat India di estet-estet untuk memperbaiki taraf hidup kerana mereka tidak diberi layanan yang baik daripada aspek gaji dan faedah lain.

"Jadi saya menasihatkan mereka supaya berpindah ke sektor lain bagi masa depan yang lebih baik," katanya kepada pemberita di akhir perhimpunan agung ke 52 MIC di sini, hari ini.

Samy Vellu berkata, parti itu akan membawa kepada perhatian kerajaan semua isu yang dibangkitkan oleh perwakilan dalam perhimpunan hari ini khususnya yang menyentuh ekonomi, sosial dan pendidikan.

"Kita berharap kerajaan akan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat kita," katanya.

Menurut beliau, agenda utama parti itu sekarang ialah mewujudkan lebih ramai profesional dalam masyarakat India untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran masa depan.

Mengenai buku "Mahathir Nadi Penggerak Bangsa" yang dilancarkan oleh Dr Mahathir di perhimpunan itu, Samy Vellu berkata RM112,000 dikutip daripada penjualan buku itu kepada anggota-anggota parti.

Lebih kurang 800 daripada 2,000 buku itu telahpun dijual pada hari pertama pelancarannya.

--BERNAMA

RV PR